

12 DEC 1998

Ting-Pelan

PELAN INDUK LANSKAP UNTUK BANDAR BESAR DIRANGKA

LANGKAWI, 12 Dis (Bernama) -- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang menyiapkan Pelan Induk Lanskap bagi kesemua ibu negeri, Langkawi dan Labuan yang dijangka siap sebelum akhir tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, tahun depan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh berkata pelan itu bertujuan menjadi panduan kepada pihak berkuasa tempatan dalam merangka pembangunan lanskap di kawasan pentadbiran masing-masing dalam usaha mewujudkan jaringan hijau dalam bandar.

Draf Pelan Induk Lanskap bagi pulau peranginan antarabangsa Langkawi telah disiapkan dan akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri Kedah awal tahun depan, katanya dalam ucapannya pada majlis penyampaian hadiah pertandingan lanskap peringkat kebangsaan sempena Hari Kebangsaan 1998 di sini, hari ini.

Teks ucapannya dibacakan oleh Timbalannya Datuk Peter Chin Fah Kui.

Pelan itu juga selaras selaras wawasan kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah Negara Taman yang indah dan bersih menjelang 2005.

Ting berkata, landskap tidak sahaja terhad sebagai kosmetik atau hiasan kerana ia turut menyumbang kepada penyediaan kualiti alam yang lebih baik selain menyumbang kepada kepentingan ekonomi.

"Lanskap memainkan peranan penting dalam industri pelancongan yang berupaya menarik kunjungan pelancong asing ke negara ini", katanya.

Galeria Perdana, yang mempamerkan pelbagai cendermata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, muncul johan dalam kategori bangunan awam/keselamatan manakala The Andaman, Teluk Datai memenangi hadiah pertama bagi kategori hotel/kompleks pelancongan/kondominium/apartmen.

Bagi kategori rumah tradisional/kampung, rumah milik penulis novel politik, Syed Hussein Al Attas muncul johan manakala Taman CHOGM, Langkawi mendapat tempat kedua bagi kategori taman awam/rekreasi.

Johan bagi kategori itu dimenangi oleh Taman Jubli Aup, Sibu, Sarawak.

Majlis Bandaraya Kuching Selatan pula menang bagi kategori pejabat kerajaan/institusi manakala Tenaga Nasional Berhad cawangan Taiping pula menjadi johan bagi kategori bangunan/kompleks swasta.

-- BERNAMA

NH LAT